

23/02/2003

Samy Vellu mahu tunggu lagi 10 tahun, Keng Yaik takut sawit terbiar

syi

KEHEBOHAN berikutan pengumuman Presiden MCA, Dr Ling Liong Sik, mahu meletak jawatan dengan surat diserahkan kepada Perdana Menteri, Ogos tahun lalu, memang sudah reda. Tetapi pelbagai reaksi menarik pemimpin masih kedengaran sehingga kini.

MUNSYI: Rupa-rupanya pada sidang akhbar, rakan Munsyi sering tidak melepaskan peluang bertanya beberapa pemimpin sama ada mereka akan mengikut jejak Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berundur pada Oktober depan.

Jawapan dua pemimpin membuat ramai wartawan tergelak. Ketika ditanya apakah beliau sedia berundur memberi jalan kepada timbalannya mengikut jejak Dr Mahathir, Datuk Seri S Samy Vellu dikatakan menimbulkan faktor umur.

Kononnya jika Dr Mahathir berundur ketika mencapai 77 tahun, maka beliau sendiri yang kini hanya 67 tahun, tentunya mempunyai 10 tahun lagi untuk berkhidmat.

Apatah lagi bagi pemilihan pucuk pimpinan MIC pada Mac depan, Samy Vellu dikatakan tidak akan ditentang oleh timbalannya Datuk S Subramaniam, 59, yang dianggap masih muda dalam arena politik dan mempunyai banyak masa untuk menggantikan presiden parti.

Samy Vellu menyertai MIC cawangan Batu Caves pada 1959 dan menjadi presiden pada 1981, manakala Subramaniam menyertai MIC pada 1962 dan menjadi timbalan presiden pada 1981.

Kata seorang wartawan di meja makan, reaksi Datuk Seri Lim Keng Yaik lebih menarik lagi. Apabila diajukan soalan berkenaan, Keng Yaik dikatakan menoleh ke kanan dan ke kiri kononnya melihat apakah tindakan dua tokoh seangkatannya iaitu Samy Vellu dan Ling Liong Sik.

Itupun, katanya, jika beliau berundur siapa yang akan menjaga pokok kelapa sawit. Siapa yang sanggup memperjuangkan kenaikan harga minyak itu?